

Alat digital baru dilancar, galak rancang penjagaan lanjut

Alat digital pertama yang membolehkan rakyat Singapura melengkapkan Perancangan Jagaan Lanjut (ACP) mereka secara dalam talian telah dilancarkan pada 19 Julai.

Dikenali sebagai myACP, alat itu membolehkan pengguna membuat pilihan mereka bagi rawatan perubatan setelah dibayar, selaras dengan matlamat dan nilai peribadi mereka.

Mereka juga boleh menetapkan seseorang untuk membuat keputusan penjagaan kesihatan bagi pihak mereka jika mereka hilang upaya dari segi mental. Alat digital itu dilancarkan oleh Kementerian Kesihatan (MOH), Agensi Penjagaan Berpadu (AJC) dan GetTech di Healthcare@Bidadari.

Berbagai di media pelaksanaan itu, Menteri Kesihatan, Hui Keng Hong berkata dengan alat itu, orang ramai tidak perlu bertemu dengan fasilitator ACP secara peribadi.

Mereka yang zahir dan bertenai selayang-kangnya 21 tahun boleh membuat pilihan penjagaan mereka secara dalam talian.

Hui Keng berkata antara sebab mengapa orang tidak melengkapkan ACP termasuk kurang pengetahuan tentang prosesnya dan kesulitan membuat janji temu dengan fasilitator, langkah yang memakan masa dan mungkin juga melibatkan bayaran.

Selain itu, individu perlu mengunjungi hospital awam, pejabat atau penyedia penjagaan sosial tertentu untuk membuat perancangan sedemikian.

Kini, mereka mempunyai pilihan untuk menggunakan alat digital ini menerusi platform My Legacy@LifeSG di bit.ly/mylegacy.life.gov.sg.

Tambahan, ia mengambil masa kira-kira 30 minit untuk melengkapkan ACP.

Pengguna perlu menyediakan pilihan mereka tentang keperluan kebajikan, pemenuhan dan agama, serta membuat keputusan sama ada doktor harus mengutamakan keselamatan atau menjadikan rawatan.

Namun, mereka yang mempunyai penyakit seperti kanser atau masalah jantung masih perlu melengkapkan ACP mereka dengan bantuan pakar penjagaan kesihatan mereka atau fasilitator bertanda.

Sekitar 77,000 orang telah melengkapkan ACP mereka sejak itu, kata Hui Keng.

"Jumlah ini adalah 40 peratus lebih tinggi berbanding perancangan tahun lepas (2024), tetapi jumlahnya masih sangat kecil," katanya sambil menyatakan bahawa pihak berkuasa sedang berusaha menggalak lebih ramai rakyat Singapura merancang lebih awal.

Walau bagaimanapun, orang mempunyai pilihan bagi penjagaan akhir hayat mereka, kebanyakannya dengan membicarakan perkara itu dengan orang tersayang semasa mereka zahir kerana ia dianggap satu perkara yang sukar.

"Ya mungkin terlambat untuk berbuat demikian apabila sudah jatuh sakit dan tidak dapat menyampaikan apa yang mereka mahu kepada orang yang mereka sayang."
"Anggota keluarga dan doktor kemu-



Dikenali sebagai myACP, alat digital pertama yang membolehkan rakyat Singapura melengkapkan Perancangan Jagaan Lanjut (ACP) mereka secara dalam talian telah dilancarkan pada 19 Julai. - Foto ST

dan akan berada dalam kedudukan yang baik untuk membuat keputusan mengenai pendekatan penjagaan," kata Hui Keng.

Pada 2023, pemerintah melancarkan Strategi Nasional bagi Penjagaan Palatif untuk meningkatkan kesedaran tentang isu akhir hayat.

Sejak itu, kapasiti penjagaan palatif di Singapura telah dikembangkan, meningkat kepada 3,000 tempat penjagaan di rumah dan 300 katil hospes ketika itu, daripada 2,000 tempat jagaan di rumah dan 250 katil hospes pada 2023, menurut Hui Keng.

Kemudahan penjagaan palatif juga diperkukuh, dengan 62 - atau kira-kira dua pertiga - rumah jagaan di Singapura mempunyai kerjasama dengan hospital.

Ini bermakna apabila pengirim rumah jagaan mengambil pengangkutan kesihatan, beliau akan kekal di kemudahan itu dan tidak dipindahkan ke hospital jika tidak perlu.